



The background image shows the exterior of the Sultanah Zarith Soh Library at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). The building features a modern design with a grid-like facade and large glass windows. A prominent sign on the side of the building reads "PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH SOH". In the foreground, there are large, stylized, overlapping red and purple wavy lines that create a sense of motion and depth.

# PERPUSTAKAAN UTM

## LAPORAN TAHUNAN 2015

PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH SOH



# KANDUNGAN

**PERPUSTAKAAN UTM**

**PENCAPAIAN 2015**

**PENCAPAIAN KEY AMAL INDICATOR (KAI) PERPUSTAKAAN 2015**

**PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

**PEMBANGUNAN KOLEKSI**

**PEMBANGUNAN GALERIUM UTM**

**PENCAPAIAN PERKHIDMATAN**

**PENGURUSAN KUALITI**

**KECEMERLANGAN UTM *INSTITUTIONAL REPOSITORY***

**ICT PERPUSTAKAAN UTM**

**KHIDMAT KOMUNITI**

**PERSIDANGAN PUSTAKAWAN**

**PERISTIWA PENTING 2015**

**FAKTA MENARIK 2015**

**SIDANG REDAKSI**



# PENGENALAN

Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah melalui fasa perkembangan dan pembaharuan yang pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Malaysia. Ini telah memberi impak yang besar kepada proses pembelajaran, pengajian dan penyelidikan di UTM khasnya dan negara amnya . Perpustakaan UTM berdiri teguh dengan kekuatan cawangan di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan tiga belas (13) perpustakaan fakulti. Perpustakaan UTM turut bekerjasama dengan *School of Professional and Continuing Education (SPACE)* dalam menguruskan koleksi pusat sumbernya di seluruh Malaysia.

Selaras dengan status Universiti Teknologi Malaysia sebagai Universiti Penyelidikan, Perpustakaan UTM mempunyai koleksi yang mantap dalam bidang sains dan teknologi serta berperanan sebagai penyebar maklumat untuk memenuhi keperluan penyelidikan dan juga masyarakat sekitarnya.

Pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan perkembangan koleksi, perkhidmatan dan ruang fizikal. Sehingga kini, koleksi perpustakaan telah melebihi empat juta bahan yang merangkumi buku, jurnal, audio visual dan media elektronik. Perkhidmatan dan operasi perpustakaan disokong oleh sistem berkomputer perpustakaan. Maklumat bagi koleksi perpustakaan turut boleh dicapai melalui katalog atas talian menerusi portal perpustakaan.

Perpustakaan UTM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam bidang teknologi, komunikasi dan maklumat selaras dengan matlamat perpustakaan untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada penggunanya.



# PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

Ketua Pustakawan

**Dr. Kamariah binti Nor Mohd Desa**



Timbalan Ketua Pustakawan  
(Perancangan & Pembangunan)

**Anuar bin Talib**



Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan)

**Noraziah binti Sharuddin**



Timbalan Ketua Pustakawan  
(Perpustakaan Raja Zarith Sofiah)

**Nor Asikin binti Mohamed**



Timbalan Ketua Pustakawan  
(Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur)

**Nik Masriza binti Zakaria**



**Badariah binti Borham**  
Ketua Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran



**Junaidah binti Isnain**  
Ketua Bahagian Perkhidmatan Lanjutan



**Noraini binti Yahya**  
Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat,  
Penyelidikan & Sirkulasi



**Haslina binti Othman**  
Ketua Bahagian Pembangunan Sumber



**Zaleha binti Atan**  
Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat & Penyelidikan



**Kamariah binti Mohamed Jong**  
Ketua Bahagian Repositori & Metadata



**Mohd Nasir bin Ibrahim**  
Ketua Bahagian Pengurusan Koleksi



**Haslina binti Nasir**  
Ketua Bahagian Automasi



**Zafarina binti Dol**  
Ketua Bahagian Pentadbiran & Kewangan

# STRUKTUR ORGANISASI

Pengurusan Perpustakaan UTM adalah merangkumi Perpustakaan Sultanah Zanariah, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Perpustakaan Institut Pembangunan Bioproduk (IBD), 13 buah perpustakaan fakulti di Johor Bahru, Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur, Perpustakaan Menara Razak dan Perpustakaan MJIT di Kuala Lumpur. Selain itu, Perpustakaan *School of Professional and Continuing Education* (SPACE) juga adalah di bawah pengurusan Perpustakaan UTM. Struktur organisasi Perpustakaan UTM diterajui oleh Ketua Pustakawan dan dibantu oleh 4 Timbalan Ketua Pustakawan. Terdapat 11 bahagian dan 35 unit kecil yang diketuai oleh Ketua Bahagian.



# VISI

Perpustakaan sebagai pusat ilmu terulung dalam bidang sains & teknologi

# MISI

Menyumbang kepada peningkatan ilmu melalui penyediaan akses mudah, penyebaran dan perkongsian maklumat sains & teknologi

# OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan berdasarkan maklumat kepada pelanggan.

Mengurus maklumat yang menepati keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan & penerbitan UTM.

Mempromosi perkhidmatan maklumat kepada masyarakat dalam & luar UTM.

Memupuk budaya ilmu dan kecemerlangan minda di kalangan masyarakat dalam & luar UTM.

# MOTTO

**“Kecemerlangan Informasi”**

# POLISI KUALITI PERPUSTAKAAN UTM

## OBJEKTIF KUALITI

Perpustakaan UTM memberi perkhidmatan kepada pelanggan berpanduan kepada perlunya **kepuasan pelanggan** dan **pembaharuan berterusan** yang boleh dicapai dengan memastikan :

- Staf beretika, mahir dan profesional.
- Peruntukan dan penyediaan sumber mencukupi.
- Keselamatan sumber terpelihara.
- Proses kerja berkesan dan cekap.
- Penggunaan teknologi di tahap intensif.

Usaha mencapai kepuasan pelanggan dan penambahbaikan berterusan diterjemahkan kepada objektif kualiti yang disemak dari semasa ke semasa seperti berikut:

- Mempertingkatkan pengurusan sumber ilmu dengan melengkapkan Koleksi Khas dan UTM *Institutional Repository* (UTM-IR) sehingga tahun terkini.
- Mengkatalog semua penulisan UTM sehingga tunggakan sifar.
- Minimum 5% pendepositon rekod di UTM *Institutional Repository* (UTM-IR) bagi tahun semasa .
- Memantau dan menganalisis penggunaan sumber elektronik dua kali setahun.
- Memastikan penyelenggaran perpustakaan digital dilaksanakan secara berterusan.
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan melalui Kajian Kepuasan Pelanggan.
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi Program Pendidikan Pengguna.
- Melaksanakan aktiviti sebaran dan perkongsian ilmu mengikut keperluan semasa.
- Mengaudit pelaksanaan *Standard People Practice* sekurang-kurangnya 1 kali setahun.

# PIAGAM PELANGGAN

**Memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan peka kepada keperluan dan kepuasan pelanggan dengan :**

- Memastikan semua permohonan untuk pembelian bahan dapat dipertanggungkan sebelum pertengahan bulan September bagi peralatan kecuali bahan bacaan setiap tahun.
- Memastikan semua bahan diproses dengan segera supaya tunggakan sifar.
- Membekalkan perkhidmatan maklumat terkini dengan terang, lengkap dan mengikut jangkamasa yang ditetapkan.
- Menentukan setiap pangkalan data yang disediakan dapat diakses oleh pelanggan.
- Memastikan pelanggan diberi layanan di Kaunter Sirkulasi dalam proses pemulangan bahan dalam masa 2.5 minit pada keadaan biasa.
- Mengamalkan sikap positif dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.
- Melaksanakan langkah pembaharuan yang berterusan bagi mempertingkatkan perkhidmatan.
- Meningkatkan kemahiran dan kewibawaan staf melalui latihan.
- Memastikan persekitaran Perpustakaan selamat dan kondusif.






# PENCAPAIAN 2015



# PENCAPAIAN KEY AMAL INDICATOR (KAI) 2015

Prestasi Perpustakaan UTM dilaporkan berdasarkan kepada program dan aktiviti yang berjaya dilaksanakan berdasarkan rangka kerja strategik yang ditetapkan iaitu melalui Key Amal Indicators (KAI) UTM, KAI Perpustakaan UTM dan Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan. Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan didokong oleh prosedur yang mempunyai objektif kualiti bagi setiap proses teras yang telah ditetapkan. Impak secara menyeluruh melalui program dan aktiviti yang dijalankan

berjaya memantapkan kualiti pengurusan perkhidmatan. Penambahbaikan berterusan dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan serta kepuasan pelanggan dan pihak berkepentingan. *Key Amal Indicators (KAI)* Perpustakaan UTM digariskan dalam Pelan Global Universiti 2012-2020 iaitu di bawah Bidang Tumpuan Utama 3 iaitu Kampus Lestari, Infrastruktur, Sistem (ICT), Libatsama Komuniti dan Jaringan Industri.



Perpustakaan UTM telah menetapkan 21 KAI bagi tahun 2015. Rajah di atas menunjukkan pecahan KAI yang terdiri daripada 4 perspektif utama iaitu *Stakeholder Perspective*, *Internal Process Perspective*, *Learning and Growth Perspective* dan *Resource Perspective*. Perpustakaan UTM telah menetapkan KAI bagi setiap persektif iaitu 2 KAI untuk *stakeholder perspective*, 11

KAI untuk *internal process perspective*, 5 KAI untuk *learning and growth perspective* dan 3 KAI untuk *resource perspective*. Antara program berimpak tinggi yang dirancang pada tahun 2015 adalah meningkatkan kandungan digital perpustakaan yang merupakan KAI UTM, jalinan komuniti dan kepuasan pelanggan.

2

60-79%

5

>80%

5

90-99%

9

> 100%

Secara keseluruhannya, Perpustakaan UTM telah merekodkan kejayaan dengan tercapainya KAI yang disasarkan pada tahun 2015. Rajah di atas menunjukkan prestasi pencapaian dengan 9 KAI mencapai piawai yang ditetapkan dengan pencapaian 100%, 5 KAI mencapai 90 - 99%, 5 KAI mencapai prestasi 60 – 89% dan hanya 2 KAI mencapai 60 - 79 %. Lebih membanggakan, Perpustakaan UTM berjaya mencapai piawai yang ditetapkan bagi KAI UTM iaitu meningkatkan kandungan digital perpustakaan dengan peratus pencapaian keseluruhan 92.87%.

# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Perpustakaan UTM terdiri daripada Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, 13 buah Perpustakaan Fakulti di UTM Johor Bahru dan Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah di UTM Kuala Lumpur. Jumlah keseluruhan staf Perpustakaan UTM sehingga tarikh 31 Disember 2015 adalah seramai 217 orang.

## BANGUNAN PSZ JB

117

## BANGUNAN PRZS JB

53


## BANGUNAN PFJB

14

## BANGUNAN PSZ KL

29

Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah Johor Bahru mempunyai 117 orang staf, manakala 14 orang ditempatkan di 13 fakulti dan tiga orang masing-masing di Sekolah Pengajian Siswazah dan Institut Pembangunan Bioproduk (IBD). Terdapat peningkatan penempatan staf di Perpustakaan Fakulti pada tahun 2015 berikutan penubuhan Perpustakaan Kejuruteraan Biosains dan Perubatan (FBME). Seramai 53 orang staf di tempatkan di bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah dan seramai 29 orang staf ditempatkan di Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, Kuala Lumpur.




Pada tahun 2015, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mewujudkan jawatan Kenaikan Pangkat Secara Fleksi kepada Kumpulan Pengurusan dan Professional. Seramai 13 orang Pustakawan telah dinaikkan pangkat secara fleksi. Terdapat 2 orang staf pelaksana yang dinaikkan pangkat dari S17 ke S22 dan 2 orang staf pelaksana dinaikkan pangkat secara time-based berdasarkan kecemerlangan. Lantikan staf baru yang berstatus lantikan tetap dan lantikan kontrak melibatkan 5 orang Pustakawan dan 13 orang staf pelaksana. Seramai 8 orang staf perpustakaan yang bersara sepanjang tahun 2015 dan majlis meraikan persaraan staf telah diadakan bersekali dengan Amanat Ketua Pustakawan 2015.

Seramai 16 orang staf telah dipilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi pencapaian prestasi sepanjang 2014. Majlis Penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah diadakan di Dewan Sultan Iskandar pada 7 Jun 2015. Penerima anugerah menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Simpanan Premium bernilai RM1,000.00 sebagai menghargai pencapaian cemerlang mereka dalam membangunkan organisasi. Pada majlis ini juga, Perpustakaan UTM telah memenangi Anugerah Teknologi Maklumat - Anugerah Webometrics UTM 2014 bagi kategori Bukan Akademik untuk kali ketiga berturut-turut dan 3 orang staf Perpustakaan UTM telah menerima Anugerah Pentadbir UTM, Anugerah Seni dan Kreatif dan Anugerah Sukan.



Pada tahun 2015, Perpustakaan UTM telah mengendalikan 50 kursus dalaman berbanding 60 kursus pada tahun sebelumnya. Kekangan peruntukan telah menyaksikan penurunan dari segi pengajuran kursus bagi tahun 2015 berbanding tahun 2014. Di samping kursus dalaman, staf juga mengikuti kursus di luar UTM. Objektif kualiti bagi latihan staf adalah 70% dari jumlah staf perlu mengikuti program latihan lebih dari 42 jam. Terdapat peningkatan bagi kehadiran staf Pengurusan dan Profesional yang menghadiri kursus melebihi 42 jam. Bagi kumpulan Pelaksana, terdapat penurunan yang disebabkan oleh staf yang cuti bersalin.



Perpustakaan UTM sentiasa menjadi tumpuan pelajar daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM bagi menjalani program latihan industri. Sepanjang tahun 2015, 12 orang pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan & Pengurusan Pusat Sumber, Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM telah mengikuti latihan industri selama 5 bulan di Perpustakaan UTM.


Perpustakaan UTM telah mengadakan Program *Teambuilding* untuk Staf Perpustakaan UTM pada 25 – 27 Ogos 2015 dan 8 – 10 September 2015 di Kompleks Saujana Asahan, Melaka.

Perlaksanaan program ini berkaitrapat dengan sasaran *Balance Scorecard* Perpustakaan UTM iaitu L1. *Attract and retain key competent & productive staff, L1.1 Conduct inhouse training programmes for staff development according to Human Capital Blueprint.* Perlaksanaan program ini juga diharap dapat mempertingkatkan nilai kebersamaan dan kerja berpasukan di kalangan warga kerja Perpustakaan UTM dengan sikap '*Ringan Sama Dijinjing Berat Sama Dipikul*' di samping meneruskan agenda Pelan Global UTM dengan semangat '*Kesepakatan, Keterangkuman, dan Keterlibatan*'.




# PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

Bagi tahun kewangan 2015, Perpustakaan UTM telah menerima peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak RM25 juta. Daripada jumlah itu, RM11 juta telah diperuntukan untuk gaji dan emolumen, RM11,800,800 juta untuk bekalan dan perkhidmatan manakala RM40 ribu untuk aset. Selain itu, Perpustakaan UTM turut menerima peruntukan dari sumber lain bagi menampung perbelanjaan iaitu RM300 ribu dari Tabung Amanah Perpustakaan dan RM250 ribu dari Tabung *Research University*. Prestasi perbelanjaan mengurus sehingga Disember 2015 adalah RM24 juta iaitu 97% daripada peruntukan yang diterima.




Pengurusan Kewangan



Peruntukan 2015


# PEMBANGUNAN KOLEKSI


Bagi menggerakkan aktiviti perolehan bahan dan jurnal pada tahun 2015, sejumlah RM13,012,070 telah diluluskan dimana RM12,282,070 adalah untuk pembelian dan langganan jurnal serta media elektronik. Bajet untuk keperluan ini sentiasa diberi perhatian dan keutamaan agar pengguna dapat mengakses maklumat secara optimum walau di mana mereka berada. Baki selebihnya bernilai RM1,500,000.00 dikhususkan untuk pembelian buku dan bahan pandang dengar. Sebanyak RM150,000.00 daripada jumlah tersebut telah diperuntukkan kepada pihak Perpustakaan UTMKL untuk aktiviti perolehan buku.



Carta di atas menunjukkan jumlah peruntukan yang diterima dalam tempoh lima tahun terakhir iaitu tahun 2011 – 2015. Berdasarkan carta, jumlah peruntukan yang tertinggi diterima ialah pada tahun 2011 iaitu sebanyak RM16.3 juta. Seterusnya pada tahun 2012 dan 2013, jumlah peruntukan yang diterima adalah sama sebanyak RM15 juta iaitu berkurangan sebanyak 8.7% dari tahun sebelumnya. Pada tahun 2014, jumlah peruntukan yang diterima meningkat sebanyak 6% menjadikan jumlahnya sebanyak RM15,900,000. Pada tahun 2015, jumlah peruntukan yang diterima adalah sebanyak RM13,012,070. Penyusutan peruntukan sebanyak 22% berbanding tahun sebelumnya ditambahkan dengan penurunan kadar tukaran mata wang telah menjelaskan aktiviti perolehan bahan perpustakaan. Dengan kenaikan harga bahan rujukan, situasi ini menuntut kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat agar nisbah bahan berbanding pelajar dapat dikekalkan pada kadar yang ditetapkan.

Carta di sebelah menunjukkan jumlah keseluruhan koleksi perpustakaan sehingga Disember 2015 bagi semua kategori bahan iaitu sebanyak 5,064,554 naskhah. Terdapat peningkatan sebanyak 8.5% berbanding jumlah koleksi perpustakaan pada tahun sebelumnya sebanyak 4,668,113 naskhah. Bahan media elektronik berada pada paras tertinggi diikuti bahan monograf dimana masing-masing mencatat jumlah sebanyak 3,981,349 dan 675,350 naskhah. Bahan *UTM Institutional Repository* telah mencatatkan jumlah sebanyak 42,632 manakala bahan *Data Management System* sebanyak 79,544 telah dimasukkan ke dalam stok perpustakaan mulai tahun 2014. Jumlah yang dicatat adalah hasil perolehan daripada pelbagai sumber sama ada belian, langganan, serahan, hadiah dan juga hasil penulisan staf dan pelajar UTM.






Tahun	e-tesis	e-buku	e-jurnal	e-video	e-standard
2015	2,615,917	92,906	1,279,239	2059	186,630
2014	2,615,917	87,737	711,105	2059	186,630
2013	2,615,917	108,745	664,291	2059	186,630

Pada tahun 2015, koleksi artikel teks penuh dalam pangkalan data e-jurnal telah meningkat sebanyak 45% kepada 1,279,630 judul berbanding tahun 2014. Manakala tajuk e-buku telah meningkat sebanyak 5.6% iaitu pertambahan 5,169 judul.

Langganan jurnal cetak telah berkurangan sebanyak 65% bagi tahun 2015. Pengurangan ini berlaku kerana kekangan kewangan dan wujudnya pembekal muflis dan tidak beroperasi lagi.



# PEMBANGUNAN GALERIUM UTM

Penubuhan Galerium UTM merupakan cetusan idea dan ilham daripada Naib Canselor Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Zaharuddin bin Idrus pada tahun 2000. Ruang Galerium UTM berada di Bangunan Pentadbiran di bawah pentadbiran Pejabat Canseleri dari tahun 2000 sehingga 2006. Keluasan keseluruhan ruang adalah 2,632 kaki persegi dengan ruang pameran seluas 1,160 kaki persegi. Pada peringkat awal, Unit Galerium hanya mengumpul bahan dan mengadakan pameran. Galerium UTM berpindah ke Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, di bawah pentadbiran Bahagian Pengurusan Koleksi dari tahun 2007 sehingga 20 Ogos 2014 dan seterusnya dipusatkan di bawah pengurusan Bahagian Pembangunan Sumber berkuatkuasa pada 1 Julai 2014. Bilik Tesis di aras 2 telah dikosongkan dan kini dijadikan Ruang Pameran Utama. Projek perpindahan secara berperingkat melibatkan peralatan, perabot dan bahan galerium yang ditempatkan di pelbagai lokasi di Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah. Bahan ditempatkan secara berpusat di Ruang Utama Galerium dan Ruang Konservasi & Penyimpanan Bahan.

Unit Galerium mula mengatur langkah proaktif di dalam pengajuran pameran di ruang terbuka perpustakaan dan seterusnya mewujudkan keceriaan pada Tangga Ilmu, laluan ke aras 3 perpustakaan. Ia menempatkan koleksi muka hadapan Buku Konvo UTM dari tahun 1977-2008. Bermula pada 13 Oktober 2014, bilik utama Unit Galerium ditempatkan di Bilik Tesis aras 2.

Pada tahun 2015, Unit Galerium ditadbir sepenuhnya di bawah Bahagian Pembangunan Sumber. Unit Galerium bertanggungjawab menjayakan program pengkayaan ilmu melalui aktiviti-aktiviti pameran yang berkaitan dengan kelestarian warisan sejarah Universiti yang boleh mendidik komuniti kampus serta pengunjung luar menghargai artifik yang mencerminkan ketamadunan dan keilmuan generasi terdahulu.

Unit Galerium menguruskan empat galeri iaitu Galerium UTM, Galeri Umum di Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, Galeri Tokoh Penyelidik dan Galeri Raja Zarith Sofiah di Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah.

Pada 25 Januari 2015, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM, Prof. Dr. Azlan Bin Abdul Rahman telah merasmikan pameran Unit Galerium dengan tema ‘Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran’. Acara perasmian singkat ini dimulai dengan tayangan montaj berkaitan penubuhan Galerium UTM dan aktiviti pameran sepanjang penubuhannya disamping penayangan slaid bahan-bahan yang dipamerkan. Sebagai nilai tambah, koleksi bahan berkaitan sejarah UTM turut dipamerkan bersesuaian dengan konsep ruang pameran yang telah dirancang. Salah satu dokumen dan rekod sejarah awal UTM yang dipamerkan adalah Buku Rekod Pelajar 1975/1976. Dokumen lain yang dipamerkan adalah Prospektus Maktab Teknik seawal 1950an - 1960an dan Buku Rekod Graduan Maktab Teknik yang bertulis tangan bermula 1940an, perlu dipelihara sebagai khazanah UTM yang tidak ternilai harganya.

Teknologi terdahulu menjadi fokus utama untuk dipamerkan bagi menghargai inovasi generasi awal yang banyak menyumbang kepada terhasilnya graduan UTM yang berkualiti. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada generasi pelawat yang pelbagai peringkat umur mengenai mesin-mesin lama yang popular digunakan dalam

dunia pendidikan dalam era 1980an. Sudut pameran peralatan yang digunakan oleh staf perpustakaan pada tahun 1980an mengembalikan nostalgia lama menjadi sebahagian daripada intipati sejarah UTM.





Penerangan diberikan oleh Ketua Bahagian Pembangunan Sumber, Perpustakaan UTM, Cik Haslina Othman sambil diperhatikan oleh Ketua Pustakawan, Dr. Hajah Kamariah Nor Mohd. Desa, Pengarah Kerja Pejabat Harta Bina, Prof. Abd Latif Saleh dan beberapa jemputan lain.

Tiga peralatan yang dipamerkan adalah dua unit mesin taip lama (jenama Olympia & IBM) dan 1 unit komputer *Macintosh Classic*. Beberapa peralatan popular yang digunakan oleh pelajar dalam tahun 1980an-1990an dalam proses rujukan di perpustakaan adalah Mesin Pembaca Mikrofilem & Slaid, Projektor Filem, *Overhead Projector* dan *Slide Projector*.



Penerangan disampaikan oleh Pembantu Perpustakaan Kanan, Unit Galerium , Encik Khalid Hj Jaafar.

Sebahagian daripada hasil projek pelajar UTM pada tahun 1970an seperti tesis, kajian lukisan terukur dan laporan kajian dipersembahkan secara ringkas sesuai dengan tema pameran. Tidak ketinggalan yang dipamerkan adalah bahan rujukan bercetak dan bukan bercetak seperti jurnal, tesis dan mikrofilem yang sangat popular dirujuk sebelum era penggunaan Internet digunakan secara meluas. 1 unit televisyen turut digunakan oleh Perkhidmatan Media di perpustakaan untuk tayangan kaset video dalam tahun 1990an sehingga awal 2000an. Beberapa set mesin bagi menghasilkan mikrofilem dan slaid yang dibuat oleh staf perpustakaan dalam tahun 1980an-1990an menjadi sebahagian bahan yang dipamerkan agar tidak luput dalam lipatan sejarah UTM.



# GALERI UMUM

Bermula daripada satu ruang kosong di foyer, kemudian ia dinaiktaraf bagi mewujudkan sebuah galeri pameran berkala sebagai tarikan utama di kawasan sekitar. Setelah selesai kerja-kerja naiktaraf dilaksanakan oleh Unit Galerium dengan kerjasama unit lain, pengisian pameran dimulakan dengan segera agar ruang dapat dimanfaatkan sebaiknya.

Paparan menarik mengenai kecemerlangan Universiti melalui peranan Alumni UTM bermula era Sekolah Teknik sehingga kini sebagai sebuah Universiti tersohor menjadi tema sulung dalam galeri terbuka ini. Sejumlah poster bersaiz besar dan berbingkai kayu yang mempamerkan wajah-wajah alumni UTM dengan kejayaan dalam bidang masing-masing mengisi ruang di bahagian dinding dan tengah galeri disusunatur berdasarkan kesinambungan maklumat yang dipaparkan. Tema dan pengisian pameran mampu mencetus inspirasi kepada mahasiswa kini agar mencontohi kejayaan ahli alumni UTM dan seterusnya mampu memberi sumbangan kepada negara dan bangsa pada masa depan.



# GALERI RAJA ZARITH SOFIAH



Galeri Raja Zarith Sofiah yang berada di aras 2 Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah merupakan ruang yang menempatkan koleksi peribadi Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah, Tuanku Canselor Universiti Teknologi Malaysia keempat. Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah telah berkenan menghadiahkan koleksi buku, album, bahan media, jurnal dan koleksi peribadi baginda berjumlah lebih 2,600 naskhah.



Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sultan Idris Shah telah membuat satu kunjungan ke Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah pada 11 Januari 2015 sempena pemasyturan perpustakaan tersebut pada 30 September 2014. Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah turut meninjau koleksi peribadi beliau yang ditempatkan di Galeri Raja Zarith Sofiah selain melawat *Record Data Management: Showcase and Hybrid Auto Sorting System* yang terdapat di perpustakaan ini. Koleksi Galeri Raja Zarith Sofiah menempatkan koleksi buku yang merangkumi daripada pelbagai bidang dan sangat bermakna untuk tujuan bacaan umum dan penjanaan ilmu amnya dan pelajar UTM khasnya.

# GALERI TOKOH PENYELIDIK

Unit Galerium berperanan penting dalam aspek penyelidikan Universiti melalui medium pameran berimpak tinggi tanpa meminggirkan objektifnya sebagai pemelihara khazanah Universiti. Pameran Galeri Tokoh Penyelidik, aras 3, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS) berjaya menampilkan Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail sebagai tokoh penyelidik UTM pertama yang dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Pameran tersebut dirasmikan oleh Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar bersempena Majlis Pemasyhuran PRZS pada 30 September 2014. Melalui Projek ‘Research Data Management’ oleh Jawatankuasa yang dilantik, maklumat penyelidikan yang terdiri daripada hasil penulisan, penerbitan, anugerah dan sebahagian latarbelakang peribadi tokoh penyelidik dipaparkan kepada umum melalui pameran. Unit Galerium mula merancang susunatur galeri dan mengenalpasti bahan yang sesuai dipamerkan bermula Mei 2014 disusuli dengan pengambilan bahan di Pusat Penyelidikan Teknologi Membran Termaju (AMTEC), Fakulti Petroleum dan Kejuruteraan Tenaga Diperbaharui pada 16 Julai 2014. Proses perolehan bahan

seperti sijil, keratan akhbar, anugerah dan beberapa nota peribadi tokoh berjalan lancar dengan bantuan En. Mohd Sohaimi Abdullah selaku Pegawai Penyelidik kepada Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, peneraju utama AMTEC. Usaha menambah bahan pameran diteruskan lagi pada Ogos 2014 dengan melawat makmal penyelidikan di AMTEC dan pihak Unit Galerium telah dibenarkan mengambil empat unit mesin/model dan satu set bahan penyelidikan untuk dipamerkan. Aktiviti membersih, menyusun dan melengkapkan pameran dilanjutkan sehingga minggu terakhir September 2014 oleh Unit Galerium dengan kerjasama staf dari unit lain yang turut dilantik dalam jawatankuasa kecil pameran. Hasil usaha Unit Pembangunan dan Pengurusan Multimedia, video temubual bersama Prof. ditayangkan dalam pameran sebagai nilai tambah yang boleh memberi lebih impak kepada pelawat di mana banyak info penyelidikan yang tersirat sukar dipamerkan dalam bentuk fizikal namun diterjemahkan dalam format yang mudah difahami.



# PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

## PENGURUSAN DATA PENERBITAN DAN PENYELIDIKAN UTM

### Data Penerbitan Berindeks, Impak Faktor dan Sitasi Bagi Tahun 2015

Perpustakaan UTM bertanggungjawab dalam menguruskan data penerbitan berilmiah staf akademik UTM seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengikut ketetapan glosari MyRA dan juga MyMOHES yang telah digariskan seperti jadual di bawah.


Unit for KPI												
	Jan-Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sept	Okt	Nov	Dec	
1a(i): Total number of publications in citation indexed journals & conference proceedings	340	515	823	935	1167	1393	1820	2158	2533	2716	3262	
1a(iii): Total number of publications in citation indexed journals & conference proceedings - Non UTM Staff	28	39	52	63	66	76	105	114	130	142	175	
TOTAL NO OF PUBLICATION	368	554	875	998	1233	1469	1925	2272	2663	2858	3437	
b) Cumulative impact factor of publications	245.884	411.662	868.209	1062.62	1152.271	1204.272	1527.548	1953.834	2241.917	2403.976	2666.919	
b) Cumulative impact factor of publications - Non UTM Staff	31.814	38.908	66.369	84.956	90.810	93.970	113.140	127.244	141.039	147.525	168.740	
CUMULATIVE IMPACT FACTOR	277.698	450.570	934.578	1147.576	1243.081	1298.242	1640.688	2081.078	2382.956	2551.501	2835.659	
c) Cumulative Citation	2994	4640	6439	7241	-	9594	12344	14011	15288	17636	18010	

Tarikh pengesahan insentif oleh perpustakaan telah dilaksanakan bermula pada Disember 2015. Ini bagi mengelakkan kesesakan pada hujung tahun dan juga lambakan permohonan yang tertangguh menjadi semakin banyak. Pengesahan aktif bagi semakan ELPPT bermula pada 1hb hingga 14hb Januari 2016 disertai oleh seramai 50 staf perpustakaan untuk tindakan semakan dan pengesahan. Lanya terdiri dari 4 fasa semakan dan pengesahan bagi keseluruhan data penerbitan yang di masukkan ke dalam RADIS.

Keseluruhan jumlah penerbitan 2015 yang telah disemak dan di proses adalah sebanyak 7,377 permohonan. Dari keseluruhan penerbitan sebanyak 77% (5,708) telah berjaya disahkan sebagai sahih (*verified*) oleh pihak perpustakaan. Hanya 80 (1%) permohonan yang tertangguh (*pending*) kerana menunggu penambahbaikan yang perlu di buat pembetulan oleh pemohon.


# KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

Perpustakaan UTM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna. Perpustakaan UTM melaksanakan dua kajian kepuasan pelanggan iaitu indeks kepuasan pelanggan dan kajian kepuasan staf Perpustakaan UTM. Kesemua kajian ini dilaksanakan secara tahunan bagi mengukur tahap kepuasan dan tindakan penambahbaikan diambil bagi memastikan keperluan pengguna dipenuhi.




## Indeks Kepuasan Pelanggan

Secara keseluruhannya, pencapaian indeks kepuasan pelanggan (*customer satisfaction index*) yang dilaksanakan pada tahun 2015 adalah memberangsangkan di mana peningkatan sebanyak 1.47% dari pencapaian pada tahun 2014.



Kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan perpustakaan semakin meningkat di mana 7 dari 12 kriteria melebihi pencapaian 80% bagi kriteria staf, fasiliti, persekitaran, perkhidmatan online, masa operasi, perkhidmatan pelanggan dan peraturan. Tindakan susulan daripada kajian ini terus dilaksanakan susulan maklumbalas dari tahun sebelumnya di mana perkhidmatan yang mendapat peratusan yang rendah disemak semula dan ditambahnilai bagi memenuhi keperluan pengguna. Antara penambahbaikan telah diambil pada tahun 2015 adalah pemilihan perkhidmatan *interlibrary loan* sebagai kajian pengurusan kejat bagi menambahbaik proses kerja, kajian keberkesanan koleksi diperluas kepada pengelasan selain daripada bidang sains dan teknologi dan latihan berterusan kepada Pustakawan yang menjadi tenaga pengajar program pendidikan pengguna.




### Kajian Kepuasan Staf Perpustakaan UTM

Kajian kepuasan staf Perpustakaan UTM dilaksanakan setiap tahun bagi menambahbaik sistem pengurusan modal insan Perpustakaan UTM. Terdapat peningkatan 9.8% pada Kajian Kepuasan Staf 2014 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, staf berpuas hati dengan penyeliaan, pengiktirafan, kemudahan, keselamatan dan fasiliti serta persekitaran kerja yang selesa.


## PENGJUNG FIZIKAL & MAYA

Jumlah pengunjung fizikal bagi tahun 2015 adalah seramai 708, 061 orang berbanding tahun 2014 seramai 774,578 orang. Jumlah pengunjung fizikal menunjukkan pengurangan sebanyak 9 % sahaja berbanding tahun 2014. Manakala jumlah pengunjung maya melalui portal Perpustakaan pula adalah seramai 629,082 pada tahun 2015 dan seramai 808,629 pada tahun 2014. Jumlah pengunjung maya juga menunjukkan pengurangan sebanyak 22.20 % berbanding tahun 2014.




# PEMINJAMAN BAHAN

Jumlah pinjaman bahan bagi tahun 2015 adalah 130,989 naskhah yang mana berkurang sebanyak 30.81 % berbanding tahun 2014 iaitu 189,331 naskhah. Promosi buku di ruang lobi Perpustakaan telah dipergiatkan dengan menambah satu lagi unit pedestal untuk mempelbagai kategori pameran bahan baru yang siap diproses dari Bahagian Pemprosesan Teknikal. Aktiviti promosi bahan juga telah diadakan pada setiap Majlis Perhimpunan Bulanan Naib Canselor. Bagi memastikan jumlah pinjaman bahan meningkat di tahun hadapan, aktiviti pameran buku ke fakulti secara *road show* akan dipergiatkan semula pada tahun 2016.




## PINJAMAN BAHAN MENGIKUT KATEGORI AHLI

Pola peminjaman masih sama dengan tahun 2014 iaitu pelajar Pasca Ijazah, pelajar Ijazah Sarjana Muda termasuk pelajar Diploma merupakan kategori yang paling ramai atau aktif meminjam bahan Perpustakaan. Secara keseluruhannya peratus bagi setiap kategori menurun pada tahun 2015 berbanding tahun 2014.




## PERKHIDMATAN PINJAMAN ANTARA PERPUSTAKAAN

Keseluruhan permohonan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan atau InterLibrary Loan mengikut kategori pemohon dirangkumkan dalam jadual di bawah. Permohonan bahan bagi pelajar pasca ijazah merupakan permohonan yang paling tinggi iaitu 644 permohonan, diikuti oleh staf akademik sebanyak 160 permohonan, staf bukan akademik sebanyak 110 permohonan, pelajar diploma 22 permohonan, pelajar sarjana muda sebanyak 12 permohonan dan alumni UTM sebanyak 6 permohonan.



# PERMOHONAN BAHAN PERPUSTAKAAN UTM DARIPADA UNIVERSITI AWAM

Jumlah permohonan yang diterima dari universiti awam kepada Perpustakaan UTM Johor Bahru adalah sebanyak 1,894 . Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4% berbanding jumlah permohonan yang diterima pada tahun 2014 iaitu sebanyak 1,886. Universiti awam yang paling banyak membuat permohonan ke Perpustakaan UTM adalah Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Teknikal Melaka dan Universiti Malaya. Kebanyakan bahan yang dipohon adalah artikel berbanding buku. Analisis keberkesanan koleksi Perpustakaan UTM menunjukkan bahawa koleksi perpustakaan adalah komprehensif dan menjadi sumber rujukan dari universiti serta institusi luar melalui perkongsian sumber.



## PENDIDIKAN PENGGUNA

Kelas Kemahiran Pencarian Maklumat ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas, Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan termasuk Kelas EndNote dan UKQD 1211: Kemahiran Pencarian Maklumat. Seterusnya, Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat Penyelidikan pula merangkumi Kursus Kaedah Penyelidikan, Kelas Kemahiran Perpustakaan Pasca Ijazah dan Kelas Endnote. Kelas-kelas ini dijalankan di Perpustakaan UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur.


Kategori Kelas	PSZ(JB)		PRZS(JB)		PSZ(KL)	
	Bil. Kelas	Bil. Pelajar	Bil. Kelas	Bil. Pelajar	Bil. Kelas	Bil. Pelajar
<b>Kursus Kaedah Penyelidikan</b>	9	235	7	97	-	-
<b>Kelas Kemahiran Perpustakaan Pasca Ijazah</b>	10	128	-	-	16	279
<b>Kelas Endnote</b>	2	22	4	80	-	-
<b>Kelas Kemahiran Lanjutan</b>	54	874	3	58	-	-
<b>Kelas Kemahiran Asas</b>	-	-	-	-	7	167
<b>Jumlah</b>	<b>75</b>	<b>1,259</b>	<b>14</b>	<b>235</b>	<b>23</b>	<b>446</b>

Jumlah keseluruhan Kelas Kemahiran Pencarian Maklumat yang telah dikendalikan pada tahun 2015 adalah sebanyak 112 kelas dengan kehadiran pelajar seramai 1,940 orang pelajar. Penurunan kelas pada tahun 2015 disebabkan oleh beberapa faktor tertentu antaranya keputusan Akademi Bahasa untuk tidak memperuntukkan lagi slot Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas kepada pelajar baru bermula dari Semester 1, 2013/2014 dan juga tiada permintaan bagi kelas UKQD 1211 : Kemahiran Pencarian Maklumat pada tahun tersebut. Selain itu, pengendalian kelas mengikut kluster bangunan iaitu Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah dan Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah juga merupakan salah satu faktor penurunan permintaan kelas. Pembahagian ini berdasarkan kepada keberadaan fakulti yang berdekatan dengan bangunan tersebut berbanding pada tahun 2014 yang memusatkan kepada satu bangunan sahaja iaitu Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah.




# PANGKALAN DATA: PENGGUNAAN, AKSES DAN PROMOSI

Berdasarkan data pada rajah di sebelah, sebanyak 12,897,188 akses dicatatkan pada tahun 2015, berbanding 9,983,591 pada tahun sebelumnya. Akses pangkalan data ini mengambil kira jumlah sesi (session), carian (search), paparan (view) dan muat turun (download). Terdapat kenaikan sebanyak 29% jika dibandingkan dengan tahun 2014. Kenaikan ini boleh dikaitkan dengan penambahan aktiviti promosi serta program kerjasama bersama pembekal pangkalan data yang giat dilakukan.



Sepanjang tahun 2015, sebanyak 438 kali daripada 16,864 bilangan semakan bagi setiap judul pangkalan data atas talian langganan UTM tidak dapat diakses. Punca masalah kepada ketiadaan akses adalah seperti masalah teknikal, masalah ezproxy serta penggantungan akses akibat aktiviti muat turun berlebihan. Aktiviti muat turun berlebihan merupakan isu yang berulang saban tahun. Pada tahun 2015 sahaja, sebanyak 12 aduan diterima daripada pihak pembekal; 9 daripadanya melibatkan IP Ezproxy. Bagi mengatasi masalah aktiviti muat turun berlebihan, Perpustakaan UTM telah membuat siasatan bagi mengenalpasti individu yang terlibat dalam menyalahgunakan kemudahan yang disediakan UTM.



Tahun 2015 telah menyaksikan lebih banyak jalinan kerjasama dijalankan di antara Perpustakaan UTM dan pembekal pangkalan data bagi menjayakan pelbagai program promosi untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap koleksi pangkalan data langganan UTM. Sebanyak 11 sesi program promosi yang telah dijalankan pada 2015 dengan jumlah penyertaan 1576 orang berbanding tahun 2014, iaitu 5 sesi dengan 410 penyertaan. Program promosi adalah seperti latihan menggunakan pangkalan data dan bicara editor/penerbit berkenaan penulisan jurnal. Antara pembaharuan yang dibuat adalah melaksanakan program tersebut di fakulti dan juga Dewan Sultan Iskandar bagi menarik lebih ramai penyertaan.

Nama Program	Vendor	Penceramah/ Fasilitator	Lokasi
<i>Write a Great Research paper and Get it Published in a Research Journal</i>	Elsevier	Deirdre Dunn	Dewan Sultan Ismail
<i>IEEEExplore</i>	United Technology	Edward Kennedy	Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah
<i>Datastream Training</i>	Thomson Reuters	Chow Pooi Ling	Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah
<i>BMO Training</i>	Business Monitor Institute	Lynn Ahmad	Bangunan Perpustakaan Raja Zarif Sofiah
<i>Research Best Practices</i>	Access Dunia	Dr. Wong Woei Hung	Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah
<i>Publish or Perish? How to Publish and Not Perish</i>	Thomson Reuters	Dr. See Diu Seng	Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah
<i>Endnote Training</i>	Thomson Reuters	Wilson Tan	Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah
<i>ECRI Institute</i>	ECRI Institute	Shobana Nair	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan
<i>Lexis Malaysia</i>	Lexis Malaysia	Firdhuan	Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah
<i>Turnitin Training for Instructors</i>	Access Dunia	Mazlan	Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah
<i>Datastream Training</i>	Thomson Reuters	Chow Pooi Ling	Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah




# PERKHIDMATAN RUNDING RUJUK

Analisa kepada kategori pertanyaan rujukan tahun 2015 menunjukkan kenaikan secara keseluruhan. Pengagihan pertanyaan mengikut kategori soalan adalah seperti rajah di atas.

BIL.	PERKHIDMATAN	2014	2015	Peratus
1	Pertanyaan Rujukan di MP & PSP	2142	8138	74%
2	Pinjaman Bahan Rujukan (Dalam Perpustakaan)	26	56	54%
3	Permohonan Rujukan Pengguna Perpustakaan ke Perpustakaan Luar	17	12	-42%
4	Permohonan Rujukan (Melalui Borang ) di MP & PSP	368	726	49%
5	Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan (Borang PSZ 27.1 )	12	8	-33%
6	Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan Melalui Emel bagi Kategori Aduan, Penghargaan dan Cadangan	39	48	19%
7	Pertanyaan Rujukan Emel (Elektronik) Bagi Kategori Umum	633	222	-194%

## RUJUKAN KE PERPUSTAKAAN UTM

Perpustakaan UTM menerima 322 permohonan luar untuk membuat rujukan ke Perpustakaan UTM bagi tahun 2015 berbanding 407 permohonan pada tahun 2014. Perpustakaan UTM terus menjadi pilihan utama sebagai tempat rujukan kepada pengguna dari universiti awam.



## LAWATAN AKADEMIK


Sepanjang tahun 2015, Perpustakaan UTM Johor Bahru, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah dan Bangunan Raja Zarith Sofiah telah menerima 48 lawatan rasmi dan berpandu yang merangkumi lawatan dalam dan luar negara. Seramai 1,797 orang pelawat dari dalam dan luar negara telah diterima dari pelbagai agensi seperti jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah dan orang awam.



# PAMERAN

Aktiviti pameran dikendalikan oleh Bahagian Perkhidmatan Lanjutan dan Unit Galerium. Pameran dilaksanakan sebagai salah satu aktiviti yang mendokong pemupukan budaya keilmuan telah dijalankan Perpustakaan UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur sepanjang tempoh 2015 adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Tajuk Pameran	Lokasi
1	8 Januari 2015	UTM Eminent Professors	Bangunan Menara Razak, UTM Kuala Lumpur
2	25 Jan 2015	Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	Ruang pameran Galerium UTM, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru
3	Februari 2015	Sejarah UTM	Galeri Transformasi UTM Johor Bahru
4	14 Feb 2015	UTM Alumni Gala Dinner	Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur
5	Februari 2015	UTM Library Menteri Pelajaran Malaysia Warisan Budaya Permainan Tradisional	Lobi Perpustakaan UTM Johor Bahru
6	Mac 2015	Kesultanan Johor Menteri Besar Johor Tokoh Terbilang Johor Senibina Bangunan Bersejarah Johor	Lobi Perpustakaan UTM Johor Bahru
7	24-30 April 2015	Memartabat Ilmu, Melestari Kecemerlangan	Ruang galeri, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru
8	April 2015-Mei 2015	Pameran Kesihatan Pameran Denggi	Lobi Perpustakaan UTM Johor Bahru
9	26-27 Mei 2015	Di Sini Bermulanya Legasi Kegemilangan	Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru
10	25 Jun 2015	Menimba Ilmu, Menuai Kejayaan	Ruang pameran, foyer Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru
11	Ogos –Sept. 2015	Hari Kemerdekaan	Lobi Perpustakaan UTM Johor Bahru
12	Okt-Nov 2015	Jerebu: Fenomena Alaf ini	Lobi Perpustakaan UTM Johor Bahru
13	14 Sept 2015	Majlis Konvokesyen UTM : Canselor dan Naib Canselor	Ruang bacaan terbuka, Aras 1, Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Johor Bahru
14	17 Sept-31 Okt 2015	Transformasi Pembangunan Fizikal UTM – 'Di Sini Lahirnya Teknokrat Negara' : 'Herein Lies Birthplace of The Nations Technocrats'	Ruang galeri, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru
15	24-25 Nov 2015	Galeri Inovasi	Dewan Bankuet, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru



# PERPUSTAKAAN FAKULTI

## Pengoperasian Perpustakaan Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan (FBME)

Perpustakaan Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan (FBME) telah ditubuhkan pada 1 Julai 2015 dan merupakan perpustakaan fakulti yang ketiga belas. Perpustakaan Fakulti ini dikendalikan oleh seorang Pembantu Perpustakaan dan beroperasi di Bangunan Utama, Aras 3, Blok A, Bangunan V01, UTM Johor Bahru. Di awal penubuhan perpustakaan ini, pihak perpustakaan telah beberapa kali mengadakan pertemuan dan perbincangan mengenainya bersama dengan pengurusan perpustakaan mengenai susunatur, kemudahan dan ruang yang akhirnya mendapat kesepakatan mengenai penubuhannya. Pihak Perpustakaan UTM berharap dengan pembukaan Perpustakaan Fakulti ini dapat memberi peluang kepada pelajar FBME untuk mengoptimumkan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.



# PROGRAM BUDAYA ILMU

Selaras dengan hala tuju pentadbiran negara untuk mewujudkan masyarakat kaya maklumat serta keperluan universiti untuk membentuk modal insan secara holistik, Perpustakaan UTM terus komited dalam melaksanakan program budaya ilmu yang melibatkan aktiviti seperti program Perkongsian Ilmu (*K-Sharing*) dan Bicara Karya sepanjang tahun 2015 ini. Program Perkongsian Ilmu dan Bicara Karya melibatkan ahli panel di kalangan tokoh atau pakar dalam sesuatu bidang samada dari dalam UTM mahupun diundang khas dari organisasi luar.

Bertujuan untuk menjana pemikiran kritis, memupuk kewibawaan peribadi, meningkatkan kapabiliti di kalangan staf akademik, pengurusan serta semua mahasiswa bagi mencapai hasrat ke arah kecemerlangan holistik mencakupi aspek akademik dan kemahiran insaniah.

Beberapa aktiviti yang berkaitan pemupukan budaya keilmuan telah dianjurkan sebagai medan perkongsian maklumat, pengalaman dan suntikan motivasi dari ahli panel terpilih dalam pelbagai bidang sepetimana berikut :



Tarikh	Program	Panel
11 Februari 2015	<i>K-Sharing : 'Endau-Rompin : Revisited : a Malaysian Heritage'</i>	Tan Sri Dr. Salleh Mohd. Noor, Pro-Cancellor UTM
25 Februari 2015	Bicara Karya: Panduan Sukses perniagaan Khadijah r.a	Puan Hajah Junainah Jukee
7 April 2015	<i>K-Sharing : Nilai Budi dan Budaya</i>	Puan Siti Nur Azimah binti Hassan Basri
10 Mei 2015	<i>K-Sharing : Wacana Fikrah Ummah: Peranan Institusi Raja Dalam Memperkasakan Ketuanan Melayu.</i>	YB Dato' Abdul Rahim bin Ramli, Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor Y Bhg. Datuk Dr. Awang bin Sariyan, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Kehadiran dan maklumbalas audien adalah menggalakkan. Bagi menggalakkan kehadiran staf, kehadiran dicatat sebagai jam latihan manakala promosi kepada mahasiswa dilakukan melalui saluran Majlis Perwakilan Mahasiswa, fakulti serta Sekolah Pengajian Siswazah. Program yang dianjurkan telah berjaya menjadi medan perkongsian pengetahuan *tacit* dan *explicit* di kalangan para profesional dalam bidang masing-masing. Terdapat banyak pengalaman dan pengajaran yang boleh dijadikan panduan dalam kita menjalankan tugas secara rasmi mahupun kehidupan sosial yang lain. Pengalaman dan pengajaran ini adalah pengetahuan tacit yang tidak

direkodkan di mana-mana tetapi sangat bernilai. Program seumpama ini merupakan pusat pendidikan tidak formal yang mampu membina kecerdasan emosi, kreativiti, kerohanian dan kemampuan menghadapi kesukaran.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya menjadi platform perkongsian idea dan maklumat. Adalah diharapkan dengan penganjuran secara konsisten dan berterusan, martabat budaya keilmuan di UTM akan dapat terus ditingkatkan.



## UTM READING STATION (UTMRS)

Penubuhan UTMRS adalah hasil idea mantan Naib Canselor UTM, Y. Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zaini bin Ujang pada tahun 2009 sebagai usaha menyediakan persekitaran yang mampu mendorong kepada aktiviti membaca di samping membuktikan kesungguhan usaha universiti memupuk budaya ilmu. Secara amnya, UTMRS adalah bertujuan bagi menggalak, merangsang serta mempromosi budaya membaca di kalangan masyarakat di dalam dan luar kampus. UTMRS juga di harap dapat menyemai sikap menghargai bahan bacaan di samping semangat perkongsian melalui sumbangan bahan bacaan.


UTMRS yang dimulakan perkhidmatannya mulai tahun 2009, kini berjumlah 100 buah UTMRS keseluruhannya di dalam dan luar negara. 78 buah di bawah kendalian Perpustakaan

UTM Johor Bahru manakala 22 UTMRS di bawah kelolaan Perpustakaan UTM Kuala Lumpur. Daripada jumlah ini, 73 buah UTMRS berada di dalam kawasan kampus manakala 27 buah lagi berada di luar kampus termasuklah di luar negara seperti Indonesia dan Jepun. Hasil audit di keseluruhan UTMRS dalam kampus mendapat tahap peminjaman meningkat sebanyak 51.6% daripada tahun sebelumnya iaitu sebanyak 5252 kepada 10,849. Peningkatan ini bergantung kepada jumlah lokasi pengaudit dijalankan di mana pada tahun 2015 proses audit dijalankan di semua lokasi dalam kampus berbanding tahun 2014 hanya sampai 20 buah UTMRS.

Berikut adalah senarai UTMRS yang telah ditubuhkan dalam tahun 2015.

Lokasi
<b>Kolej Vokasional Kota Tinggi</b>
<b>Kampung Pok, Gelang Patah (program usaha sama MPMUTM)</b>
<b>Masjid Negeri Arau, Perlis (program usaha sama Pejabat HEMA)</b>
<b>Masjid Ridwaniah, Kuala Kangsar, Perak (program usaha sama Pejabat HEMA)</b>
<b>Rumah Anak Yatim Islam, Kota Tinggi (program usaha sama Pejabat Pendaftar)</b>
<b>Scholar's Inn Kuala Lumpur</b>
<b>Sekolah Dasar, Medan, Indonesia (program usaha sama Pejabat HEMA bagi Program MEDCESS)</b>

Selepas tujuh tahun UTMRS diperkenalkan, permintaan terhadap penubuhannya sentiasa ada terutama dari masyarakat luar. Jabatan dalaman UTM turut menjadikan UTMRS sebagai salah satu agenda di dalam program mereka terutama program yang melibatkan khidmat masyarakat memandangkan konsep dan pengurusannya yang mudah serta fleksibel. Jumlah peminjaman yang meningkat turut membuktikan UTMRS berupaya memainkan peranan sebagai moderator kepada komuniti yang memerlukan bahan bacaan serta seterusnya menyumbang kepada pemupukan budaya membaca.



## PENGURUSAN KUALITI

Pengurusan kualiti Perpustakaan UTM diketuai oleh Pengarah Kualiti, Wakil Pengurusan, Urusetia Kualiti, Ketua Bahagian dan pemilik proses. Untuk meningkatkan kesedaran dan penghayatan kualiti, pelbagai program telah diadakan. Taklimat Program Kualiti telah diberikan kepada semua staf di perpustakaan UTM Johor Bahru oleh Wakil Pengurusan. *Refresher course* untuk *Standard People Practice* (SPP) turut diadakan dan disampaikan oleh Puan Junaidah binti Isnain. Taklimat Program Kualiti serta semakan dokumen juga telah diadakan di Perpustakaan UTM Kuala Lumpur.

Program Audit Dalam pula dijalankan pada 15 hingga 30 Jun 2015 dan Surveillance Audit telah dilaksanakan pada 11 hingga 12 November 2015 oleh Juruaudit SIRIM. Selain daripada itu, Kursus Awareness ISO 9001 : 2015 telah diadakan pada 23 Disember 2015 kepada semua pemilik proses. Kursus ini memberi fokus kepada pengurusan risiko dalam proses kerja sebagai persediaan bagi pensijilan baharu pada tahun 2016.



# PEMBUDAYAAN KUALITI MELALUI PROGRAM KUALITI

## PROGRAM 5S

Pelaksanaan aktiviti 5S di Perpustakaan UTM adalah bertujuan menerapkan budaya penambahbaikan berterusan, mengurangkan pembaziran serta meningkatkan produktiviti. Pelbagai aktiviti telah dijalankan di Perpustakaan UTM dalam usaha untuk mendapatkan pensijilan 5S. Di antaranya adalah taklimat kesedaran 5S, bengkel dan latihan 5S, penubuhan jawatankuasa induk 5S, penubuhan zon 5S yang merangkumi semua bahagian, penerbitan buku panduan 5S Perpustakaan UTM dan gotong-royong mingguan di setiap bahagian. Seluruh warga Perpustakaan UTM telah memberi komitmen dan kerjasama padu dalam menjayakan amalan 5S ke arah pensijilan menjelang tahun 2016.



## PENGURUSAN KEJAT

Pada Mei 2015, kumpulan LIBRILL ditubuhkan di Perpustakaan UTM dan dianggotai oleh 9 orang ahli yang terdiri daripada pelbagai bahagian dan jawatan. Kumpulan ini diketuai oleh Puan Nor Asikin Mohamad, Encik Mohd Nasir Ibrahim, Puan Zafarina Dol, Puan Khairulbahiyah Yaakub, Puan Norazila Safri, Puan Nurrull Huda Abdul Wahid, Puan Norashikin Johari, Puan Liza Porijo dan Puan Noor Adlina Ismail. Tajuk Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan – *Interlibrary Loan (ILL)* telah dipilih sebagai fokus kajian. Ia bertitik tolak daripada aduan kelewatian pembekalan bahan ILL yang sering diterima daripada pengguna. Tempoh mendapatkan maklumbalas dari universiti awam yang membekalkan bahan ILL didapati melebihi sebulan. Melalui pendekatan pengurusan kejat yang merangkumi proses SIPOC, *value stream mapping*, penghapusan pembaziran, penambahbaikan dan GEMBA masa memproses dapat dikurangkan sebanyak 20 minit, masa menunggu dapat dikurangkan sebanyak 14 hari. Setelah kajian lapangan GEMBA dibuat, keseluruhan proses ILL baru hanya mengambil masa 2562.75 minit iaitu 5.3 hari sahaja. Penambahbaikan ini tentunya dapat meningkatkan mutu perkhidmatan serta memberi kepuasan kepada pengguna perpustakaan.

Projek ini telah mewakili Perpustakaan UTM pada Konvensyen Inovatif, Efisien dan Produktif (KIEP) 2015 anjuran Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko (QRiM) pada 24-25 November 2015. Bagi kategori Pengurusan Kejat, 6 kumpulan telah mengambil bahagian iaitu Perpustakaan UTM, CICT, SPS, Pusat Islam, Pejabat Harta Bina dan Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa. Perpustakaan UTM telah berjaya merangkul 2 anugerah pada konvensyen tersebut iaitu bagi kategori Kumpulan Terbaik dan Persembahan Terbaik.



## KUMPULAN INOVATIF & KREATIF

Pada tahun 2015, terdapat 10 buah kumpulan inovatif dan kreatif (KIK) ditubuhkan bagi mewakili setiap bahagian dari setiap cawangan Perpustakaan UTM. Bagi memberi pendedahan tentang proses kerja KIK kepada semua kumpulan, Kursus KIK telah diadakan pada 29 April 2015 di Bilik Seminar 3. Kursus ini dibimbing oleh staf Perpustakaan UTM yang berpengalaman iaitu Encik Salihuddin Bakri dan Encik Nor Azhar Nasrudin. Pada 13 September 2015, Persembahan Pengurusan telah diadakan kepada Pengurusan Tertinggi Perpustakaan UTM.

Kumpulan KristalLib dan Kumpulan Library SWAT telah mewakili Perpustakaan UTM untuk bertanding pada Konvensyen Inovatif, Efisien dan Produktif (KIEP) 2015 yang diadakan pada 24 – 25 November 2015. Kumpulan KristalLib yang bertanding di bawah kategori Pengurusan telah berjaya memperolehi penarafan emas. Latar belakang projek adalah untuk mewujudkan satu sistem atas talian yang fleksibel dan

boleh menguruskan pelbagai tugas di Unit Pembangunan dan Pengurusan Media. Tugas utama di unit tersebut adalah mengambil gambar, rakaman video, rakaman siaran television dan pembangunan montaj. Di antara faedah yang diperolehi daripada sistem ini adalah akses mudah yang boleh mengesan semula rekod aktiviti yang telah dilakukan serta menjimatkan kos dari segi masa dan sumber tenaga kerana sistem makluman secara atas talian yang lebih sistematik dan berkesan.

Kumpulan Library SWAT yang bertanding dalam kategori Teknikal pula mendapat tempat kedua dan penarafan perak. Kumpulan tersebut memilih projek bertajuk “Masalah pengguna tidak faham dan tidak mahir tentang penunjuk arah dan lokasi di dalam Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah”. Kumpulan Library SWAT telah berjaya menghasilkan *Interactive MAP PRZS* sedang kos yang sangat minimum.



## PROGRAM LESTARI

Jawatankuasa Green Office Perpustakaan UTM telah merancang dan melaksanakan program lestari di peringkat Perpustakaan UTM. Di antaranya adalah dengan mengadakan ceramah kesedaran mengenai pentingnya amalan gaya hidup lestari. Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Fadhil bin Md Din, Pengarah Pelestarian Kampus UTM telah dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk “Makmal hidup dan fungsinya mengenai gaya hidup lestari”. Matlamat utama ceramah ini adalah berkongsi idea dan maklumat mengenai langkah-langkah gaya hidup lestari yang menjadi hasrat utama UTM untuk semua staf mengamalkannya di tempat kerja masing-masing. Selain daripada itu, pengasingan pelupusan sisa sampah basah dan kering turut dipraktikkan di bilik rehat staf. Pelupusan sisa pepejal untuk kitar semula juga diamalkan di kalangan staf di mana pengasingan sampah mengikut kategori diamalkan.



# PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN


Keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan aspek yang dititikberatkan oleh Perpustakaan UTM dalam memberi kesedaran tentang kepentingan dan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan staf. Kursus mengenai aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan diadakan setiap tahun dan pada tahun 2015, Perpustakaan UTM telah mengadakan Program Persediaan Tindakan Kecemasan di Tempat Kerja. Taklimat disampaikan oleh Timbalan Pengarah OSHE UTM, Dr. Yahya bin Mohd Yatim kepada Jawatankuasa Induk Perpustakaan UTM, Emergency Response Team (ERT) Perpustakaan UTM dan Pustakawan. Selain daripada taklimat ini, demo alat perlindungan kecemasan serta demo penggunaan alat pemadam api juga turut diadakan.



# KECEMERLANGAN UTM INSTITUTIONAL REPOSITORY (UTM-IR) DI RANKING DUNIA

*UTM Institutional Repository (UTM-IR)* kekal antara 100 ranking yang terbaik di dunia dari tahun 2009 sehingga 2015 dalam *Ranking Web of Repositories* bagi kategori *Top Institutions*. Perpustakaan UTM terus menambahbaik kedudukan di ranking antarabangsa dan peringkat kebangsaan. Pada tahun 2015, UTM-IR masih mengekalkan tempat pertama di antara repositori di Malaysia pada Januari dan Julai 2015 dengan mengambil kira faktor-faktor penilaian yang utama iaitu *size*, *visibility*, *rich files* dan *scholar*. UTM-IR mengekalkan tempat pertama di Malaysia mulai tahun 2010 dan kekal empat tahun berturut-turut dari tahun 2012-2015. Lebih membanggakan, Perpustakaan UTM terus mengungguli *Ranking Web of Repository* peringkat dunia di tangga ke-80 pada Januari manakala ke-95 pada Julai bagi tahun 2015.

**Pencapaian UTM-IR Dalam Ranking Web of Repositories (2009-2015) :  
Kategori Top Institutions (World Rank) / Malaysia Rank**



\*Ranking lebih rendah, pencapaian lebih baik

# ICT PERPUSTAKAAN UTM

## Perpindahan Server Utama Perpustakaan dari Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah ke Bangunan Perpustakaan Raja Zarif Sofiah.

Proses perpindahan server dari Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah ke Bangunan Perpustakaan Raja Zarif Sofiah telah dilaksanakan pada 29 Mac 2015 hingga 15 April 2015. Sebagai persediaan, beberapa siri perbincangan telah diadakan dengan pembekal yang dilantik untuk menguruskan proses perpindahan ini. Proses pelabelan bagi semua peralatan yang terlibat juga telah dilakukan oleh staf Bahagian Automasi bagi memudahkan proses pemasangan peralatan di Bangunan Perpustakaan Raja Zarif Sofiah.

*Data migration, system down time dan system's health check* bermula dari 5 April 2015 - 8 April 2015. Pada 9 April 2015, pembekal yang dilantik melakukan aktiviti pembungkusan selepas semua server ditutup secara berperingkat. Pihak perpustakaan mendapat kerjasama dari Bahagian Keselamatan UTM untuk memantau dan mengiringi pergerakan kenderaan yang terlibat semasa kerja-kerja perpindahan ini dilakukan. Kesemua sistem telah beroperasi semula sepenuhnya pada 15 April 2015. Server dan perkakasan ICT yang terlibat semasa perpindahan adalah;

- i. Server Library Management System - SAN
- ii. Server EPS (Library) - SAN
- iii. Server Administrative Reporting Tools - SAN
- iv. Server Library RFID Management System – SAN
- v. Server Library Service System – SAN
- vi. Server Enterprise (OPAC) – SAN
- vii. Server Document Management System – New SAN
- viii. Server DCCS
- ix. Server EZProxy
- x. Server Portal
- xi. Server CCTV
- xii. Storan berkapasiti tinggi – SAN
- xiii. Brocade SAN Switch
- xiv. Kabinet Peralatan/Manual Server
- xv. Rak server



## Sistem Perkhidmatan Perpustakaan (*Library Service System*)


Sistem perkhidmatan perpustakaan (*Library Service System*) adalah sistem yang dibangunkan bersama pihak pembekal bagi penyediaan perkhidmatan maklumat kepada pengguna perpustakaan secara atas talian. Sistem ini dibangunkan mengikut keperluan Perpustakaan UTM. Modul yang terlibat adalah meliputi proses kerja dan *standard operation procedures (SOP)* yang sebelum ini dilaksanakan secara manual.

*Library Service System* terdiri dari modul:

- i. *Library Work Schedule* – menguruskan giliran bertugas, penyediaan laporan bertugas dan laporan kewangan bagi staf yang bertugas di kaunter utama Perpustakaan UTM dan cawangan.
- ii. *Library Skill Classes* - menguruskan permohonan dan pelaksanaan Kelas/ Bengkel berkaitan pencarian maklumat perpustakaan yang lebih interaktif berdasarkan permintaan dan keperluan pengguna perpustakaan.
- iii. *Library e-Forms & Feedback* - Memberi kemudahan kepada staf dan pengguna perpustakaan untuk memuat turun dan mengisi borang secara online selain dapat mengetahui status permohonan terkini mereka.

## Portal dan Laman Media Sosial Perpustakaan

Di dalam pelaksanaan penyampaian perkhidmatan berprestasi tinggi, Portal Perpustakaan UTM berperanan sebagai portal yang memberikan maklumat kepada pengguna manakala Portal LESTARI berfungsi sebagai sistem pencarian bahan dan koleksi perpustakaan. Statistik kunjungan maya oleh pengguna perpustakaan bagi kedua-dua portal tersebut adalah seperti di Rajah 1 dan Rajah 2.



**Portal OnTime :**  
<http://portal.psz.utm.my/ontime>.  
 Portal ini dibangunkan bagi keperluan projek KIK Bahagian Pengurusan Sumber (BPS). Laman web ini adalah menggunakan komponen CMS Wordpress.



**Facebook Ketua Pustakawan UTM :**  
<http://www.facebook.com/UTMChiefLibrarian>  
 Laman sosial ini dibangunkan khas untuk Ketua Pustakawan bagi perkongsian maklumat dari masa ke semasa kepada pengguna.

## Pelaksanaan *Patron Tracking System* di Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah

*Patron Tracking System* ini adalah sistem yang mengawal laju keluar dan masuk pengguna di laluan utama Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Galeri Zarith Sofiah di aras 2 dan Bilik Rujukan Tesis di aras 3 melalui penggunaan bantuan pada kad matrik pelajar dan staf UTM.

Fungsi:

- Mengenal pasti tempoh penggunaan perkhidmatan di perpustakaan oleh setiap pengguna
- Memastikan bahan perpustakaan yang diberawa keluar melalui proses peminjaman yang sah



## Program Attachment & Ambassadorship CICT

Perpustakaan UTM telah menerima dua orang staf dari Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT) UTM melalui Program Attachment & Ambassadorship yang dilancarkan pada 6 September 2015.

Objektif program ini adalah:

- Menjalankan kerjasama strategik menerusi penempatan ke PTJ terpilih dengan pendedahan kepada persekitaran yang lebih dinamik
- Mengadakan kerjasama strategik untuk meningkatkan keberkesanan ICT di organisasi

Justeru itu dengan adanya program kerjasama CICT dan Perpustakaan UTM akan meningkatkan keberkesanan penggunaan ICT khususnya menangani sebarang permasalahan yang timbul.

# KHIDMAT KOMUNITI

## Program Khidmat Masyarakat di Rumah Anak Yatim Islam Kota Tinggi (RAYIKT)

Perpustakaan UTM telah mengadakan program khidmat masyarakat di Rumah Anak Yatim Islam Kota Tinggi dan projek menaiktaraf Perpustakaan Mini Kampung Belukar Durian di Sedili Kecil, Kota Tinggi. Objektif program khidmat masyarakat adalah untuk membina hubungan dua hala yang positif, perkongsian tanggungjawab secara professional, memberi khidmat dan komitmen kepada komuniti serta memberi peluang kepada komuniti untuk lebih mengetahui dan memahami peranan jabatan.

Berbekalkan azam untuk mengembangkan amalan budaya ilmu di semua peringkat, Perpustakaan UTM di bawah Program Khidmat Masyarakat yang diketuai oleh Pejabat Pendaftar telah mengambil inisiatif menubuhkan UTM Reading Station (UTMRS) di Rumah Anak Yatim Islam Kota Tinggi (RAYIKT) pada 28-29 Ogos 2015 yang lalu. Sebanyak 296 naskhah bahan yang terdiri dari koleksi fiksyen, majalah dan bahan bacaan umum telah ditempatkan di UTMRS ini. Pihak perpustakaan turut membantu memproses buku-buku rujukan SPM, PT3 dan UPSR yang disumbangkan oleh pihak luar kepada RAYIKT untuk ditempatkan di ruang bacaan mereka. Bagi meraikan anak-anak didik di RAYIKT, staf perpustakaan turut mengambil kesempatan untuk melibatkan diri dalam lain-lain aktiviti seperti pemeriksaan kesihatan, kelas masakan dan motivasi.

Perpustakaan Mini Kampung Belukar Durian telah dimulakan penubuhannya oleh pihak perpustakaan sejak lebih 15 tahun lalu. Pelawaan dari Jawatankuasa Program Asimilasi Desa, Kolej Tun Fatimah untuk sama-sama menjayakan program khidmat masyarakat di kampung tersebut merupakan peluang untuk pihak perpustakaan menabur bakti di sana semula. Projek menaiktaraf perpustakaan ini melibatkan kerja-kerja perpindahan dari bangunan sediada di balai raya ke pusat eko pelancongan yang dibangunkan oleh komuniti di kampung tersebut dikenali sebagai *Wetland*. Selain itu pihak perpustakaan dengan dibantu oleh para mahasiswa dari Kolej Tun Fatimah telah menjalankan aktiviti pilih buang dan semakan semula stok bahan-bahan bacaan. Pihak perpustakaan turut menyediakan peralatan bagi proses perpindahan, memproses serta menambah masuk buku-buku baru.

Kehadiran pihak perpustakaan bagi membantu memproses bahan-bahan bacaan, memberikan khidmat nasihat serta bimbingan mengenai pengurusan pusat sumber telah banyak membantu komuniti untuk lebih jelas memahami kaedah sebenar pengurusan bahan-bahan bacaan dan perpustakaan



secara sistematis. Program ini turut memupuk rasa kecintaan dan kebersamaan di kalangan individu terhadap komuniti yang ada di persekitaran. Peluang untuk saling bertukar pandangan mengenai pengurusan pusat eko pelancongan desa membuktikan terdapatnya komunikasi dan perbincangan intelek yang akhirnya mungkin dapat mengubah persepsi terhadap sesuatu perkara bagi kemajuan komuniti.

Khidmat kepada masyarakat yang dijalankan secara separa formal ini merupakan sesuatu perkongsian dan jalinan persefahaman yang amat baik, kurang kos melalui pemindahan pengetahuan secara semulajadi, membina sifat toleransi dan bertanggungjawab terhadap persekitaran.

## Program University Social Responsibility (USR) bersama SMK Padang Tembak, Kuala Lumpur

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial universiti, Perpustakaan UTMKL telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan program Eksplorasi Maklumat dengan SMK Padang Tembak Kuala Lumpur. Program ini telah diadakan pada 23 Jun 2015 dengan penyertaan 40 pelajar dan 2 orang guru dari SMK Padang Tembak Kuala Lumpur.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pelajar tentang kehidupan selepas sekolah dan mendorong mereka dengan budaya universiti serta mengajar mereka tentang bagaimana untuk mencari maklumat dengan tepat. Perpustakaan dengan kerjasama Pusat Kaunseling telah menganjurkan ujian eksplorasi kerjaya untuk membantu pelajar dengan pelan kerjaya masa depan mereka. Antara aktiviti lain yang diadakan ialah ceramah oleh Pustakawan, Cik Sharifah

Radhiah mengenai "Kepentingan Perpustakaan Universiti". Permainan yang berkaitan dengan pencarian maklumat juga sedang dijalankan.

Maklum balas daripada beberapa pelajar menyatakan mereka amat teruja dan tidak sabar untuk menyertai acara seperti ini di masa akan datang. Pihak Perpustakaan juga berhasrat untuk membawa UTM Reading Stations (UTMRS) ke sekolah mereka. Program ini adalah satu acara yang sangat berjaya dalam mencapai matlamat universiti untuk aktiviti bersama masyarakat sekitar serta mengetahui keperluan mereka.

## Program Gaya Hidup Sihat Perpustakaan UTM

Program Gaya Hidup Sihat anjuran Perpustakaan UTM merupakan medium yang terbaik bagi memberi pendedahan awal kepada warga universiti mengenai kepentingan mengamalkan budaya hidup yang sihat, cergas, dan bebas dari segala jenis penyakit dalam kehidupan sehari-hari mereka. Program ini telah berlangsung dari 31 Mei 2015 hingga 4 Jun 2015 bertempat di Perpustakaan UTM (Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah), Johor Bahru. Di antara aktiviti yang diadakan sepanjang program adalah:

- 1) Pameran Gaya Hidup Sihat
- 2) Pemeriksaan Kesihatan Percuma
- 3) Ceramah Amalan Hidup Sihat dan Pengurusan Stress
- 4) Senamrobik
- 5) Kempen Derma Darah

Program Aktiviti Gaya Hidup Sihat Perpustakaan 2015 ini merupakan kerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.



# PERSIDANGAN PUSTAKAWAN 2016

Perpustakaan UTM meneruskan tradisi musyawarah di antara pustakawan pada setiap hujung tahun menerusi Persidangan Pustakawan. Pada tahun ini, persidangan telah diadakan pada 21 hingga 22 Disember 2015 di Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah. Ia dihadiri oleh 43 orang pustakawan daripada Perpustakaan UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur.

Persidangan dimulakan dengan ucapan aluan Ketua Pustakawan, Dr Kamariah binti Noor Mohd Desa. Beliau menarik perhatian pustakawan melalui perkongsian penyelidikan beliau tentang bagaimana kualiti kepimpinan pustakawan memberi kesan kepada perkhidmatan perpustakaan dan keperluan pengguna. Kajian yang melibatkan 20 perpustakaan awam di Malaysia ini juga melihat persepsi khalayak terhadap kualiti kepimpinan pustakawan. Hasil kajian mendapati pustakawan perlu memantapkan skil kepimpinan dengan corak pemikiran yang bersifat lebih konseptual dan analitik. Walaupun pustakawan dikatakan begitu komited dalam mencapai aspirasi organisasi, pustakawan perlu terus fokus di dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada pelanggan. Jaringan kerjasama strategik perlu diteruskan di antara pengurusan tertinggi dalam organisasi, kementerian serta badan-badan profesional dalam dan luar negara.

Sesi kedua diteruskan dengan ceramah kepimpinan yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Profesor Datuk Razali Mahfar, *Adjunct Professor* dari *International Business School*, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur. Bersandarkan pengalaman luas dalam sektor korporat seperti Shell dan Exxon Mobil dan hasil penyelidikan beliau sendiri, berbagai konsep dan teori kepimpinan dikongsi bersama pustakawan. Beliau berpendapat bahawa pustakawan adalah ajen perubahan yang paling strategik kerana kita berupaya mengawal ilmu. Pustakawan perlu menyerlah dengan mengadaptasi ciri-ciri kompetensi kepimpinan dan terus menerokai ilmu-ilmu baru dalam dunia kepustakawan.

Sesi seterusnya pada hari kedua dimulakan dengan ucapan dasar Ketua Pustakawan yang sarat dengan misi, strategi serta halatuju Perpustakaan UTM selepas ini. Pustakawan diminta bersedia dengan tuntutan dunia akademia baru yang lebih kompleks di samping mengekalkan konsep amanah, hikmah dan ihsan dalam diri. Program diteruskan dengan pembentangan pencapaian Key Amal Indicators (KAI) 2015 dan sasaran KAI 2016. Program dilengkapkan lagi dengan pembentangan perancangan 2016 oleh Timbalan Ketua Pustakawan bagi setiap portfolio iaitu Perancangan dan Pembangunan, Perkhidmatan, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah dan Perpustakaan UTMKL. Rumusan persidangan disampaikan oleh Ketua Pelapor, Puan Khairulbahiyah binti Yaakub diikuti dengan ucapan penutup daripada Ketua Pustakawan, Dr Hajah Kamariah binti Noor Mohd Desa.



# PERISTIWA PENTING SEPANJANG 2015

## Pameran UTM Eminent Professors

Pada 8 Januari 2015, Perdana Menteri , YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak telah merasmikan Bangunan Menara Razak di Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur. Perpustakaan UTM Kuala Lumpur telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi pameran bertemakan UTM Eminent Professors. Pameran ini telah diadakan di Anjung Menara Razak, UTM Kuala Lumpur. Tujuan utama pameran adalah untuk menyerlahkan pencapaian, sumbangan dan impak keberadaan para Profesor UTM kepada komuniti dan masyarakat. Antara Profesor dari UTM Kuala Lumpur yang dipaparkan dalam pameran adalah Pengarah Kampus, Prof. Dr. Hamdani Saidi dan Assoc . Prof. Dr. Abdul Manaf Bin Hashim, profesor dari Malaysia - Japan International Institute of Technology ( MJIIT ) manakala 12 yang lain adalah profesor dari UTM Johor Bahru.



## Sesi Dialog bersama Pengarah Kampus Kuala Lumpur

Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur telah mengadakan satu sesi dialog bersama Pengarah Kampus UTMKL, Prof. Dr. Durrishah Idrus telah diadakan pada 27 Mac 2015. Selain berkongsi maklumat mengenai aktiviti perpustakaan, sesi dialog itu juga memberi peluang kepada kakitangan untuk berinteraksi secara terus dengan Pengarah Kampus. Antara isu yang diketengahkan adalah kemudahan kepada pengguna di kampus UTMKL untuk memastikan hanya perkhidmatan terbaik diberikan.



## Pameran 'Memartabat Ilmu, Melestari Kecemerlangan'

Pameran bertemakan 'Memartabat Ilmu, Melestari Kecemerlangan' bertempat di ruang legar, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim merupakan salah satu agenda utama di dalam Majlis Konvokesyen UTM ke-54, pada 25-26 April 2015. Pameran sulu bersamaan Majlis Konvokesyen Universiti adalah hasil usahasama Perpustakaan UTM melalui Unit Galerium dan Pejabat Hal Ehwal Korporat yang memaparkan kehebatan dan ketinggian nilai Majlis Konvokesyen Universiti. Nilai estetika yang ditonjolkan dari aspek sejarah, patriotisme, akademia dan misi kepimpinan tertinggi Universiti melalui beberapa poster serta artifikat terpilih berkaitan Majlis Konvokesyen Universiti berjaya menghasilkan pameran yang berimpak. Pameran turut diserikan dengan tayangan video, dihasilkan oleh Unit Pembangunan dan Pengurusan Multimedia, Perpustakaan UTM.



## Pameran 'Di sini Bermulanya Legasi Kegemilangan'

Pameran diadakan bersamaan program Hari Bertemu Pelanggan UTM Kali Ke-3, pada 26-27 Mei 2015. Bersesuaian dengan tema dan konsep yang dipilih, pameran berfokuskan kepada sejarah awal UTM merangkumi pelbagai jenis artifak serta maklumat bagi menggambarkan kejayaan UTM yang bermula daripada bawah, berhadapan dengan banyak cabaran besar sehingga kini.



### Pameran 'Menimba Ilmu, Menuai Kejayaan'

Ruang pameran di foyer Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru menempatkan paparan menarik mengenai kecemerlangan Universiti melalui peranan Alumni UTM bermula era Sekolah Teknik sehingga kini sebagai sebuah Universiti tersohor menjadi tema sulung dalam galeri terbuka ini. Sejumlah poster bersaiz besar dan berbingkai kayu yang memperkenalkan wajah-wajah alumni UTM dengan kejayaan dalam bidang masing-masing mengisi ruang di bahagian dinding dan tengah galeri disusunatur berdasarkan kesinambungan maklumat yang dipaparkan. Tema dan pengisian pameran mampu mencetus inspirasi kepada mahasiswa kini agar mencontohi kejayaan ahli alumni UTM dan seterusnya mampu memberi sumbangan kepada negara dan bangsa pada masa depan.



### Anugerah Teknologi Maklumat

Perpustakaan UTM Berjaya mempertahankan Anugerah Teknologi Maklumat : Anugerah Webometrik (Kategori Bukan Akademik) bagi tiga tahun berturut-turut. Kemenangan penuh bermakna ini telah berlangsung di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru sempena Majlis Citra Karisma pada 7 Jun 2015.



### Perpindahan Server Utama Dari Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah ke Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah

Perpindahan 11 server utama dari Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah ke Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah telah dilaksanakan pada Mac 2015. Penempatan semula server utama dan peralatan ICT Perpustakaan UTM ini adalah penting bagi memastikan semua server perpustakaan dapat beroperasi dengan baik dan perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna tidak terjejas. Perpindahan ini penting rentetan dari isu kebocoran air dan gangguan bekalan elektrik yang kerap berlaku di lokasi sedia ada. Proses perpindahan ini turut melibatkan kerjasama daripada pihak CICT UTM dan pembekal ICT Perpustakaan UTM.



### Audit Perpustakaan oleh *Engineering Accreditation Council (EAC)*

Pada 24 Jun 2015, dua program MJIIT, *Mechanical Precision Engineering* dan Kejuruteraan Sistem Elektronik telah diaudit oleh EAC. Objektif audit akreditasi oleh EAC adalah untuk memastikan graduan daripada program kejuruteraan yang diiktiraf memenuhi keperluan minimum akademik untuk pendaftaran sebagai graduan kejuruteraan dengan Lembaga Jurutera Malaysia dan ahli IEM. Salah satu keperluan dan kriteria akreditasi adalah kemudahan yang disediakan termasuk perpustakaan. Perpustakaan UTMKL termasuk Perpustakaan MJIIT telah dilawati oleh tiga panel EAC di mana mereka melihat kepada koleksi perpustakaan, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan untuk pelajar.



### Pameran Di Sini Lahirnya Teknokrat Negara : 'Herein Lies Birthplace of the Nations Technocrats'

Sambutan bersejarah bagi meraikan 30 tahun UTM bersama Johor merupakan titik tolak kepada pameran transformasi UTM dalam aspek pembangunan fizikal di ruang legar Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim. Pameran bertemakan 'Di Sini Lahirnya Teknokrat Negara' : 'Herein Lies Birthplace of the Nations Technocrats' memaparkan pelbagai fasa pembangunan UTM bermula tahun 1980an sehingga fasa pembangunan terkini berdasarkan Rancangan Malaysia. Perpustakaan UTM, Pejabat Hal Ehwal Korporat dan Pejabat Harta Bina diberi kepercayaan untuk merealisasikan pameran yang bermula 17 September sehingga 31 Oktober 2015. Selain daripada sejarah pembangunan fizikal UTM, turut dikongsikan adalah 'Aspirasi & Harapan Naib Canselor UTM' dalam merancang dan menentukan halatuju UTM ketika zaman kepimpinan masing-masing.

### Pameran 'Majlis Konvoesyen UTM : Canselor dan Naib Canselor'

Penyebaran maklumat melalui pendekatan '*informative wall*' merupakan insiatif Perpustakaan UTM dalam menyampaikan pelbagai maklumat umum kepada pengguna. Pendekatan ini juga bagi memenuhi kehendak pengurusan tinggi Universiti bagi memastikan ruang dan aset dimanfaatkan sebaiknya untuk warga kampus khususnya pelajar. Bagi menyokong hasrat murni ini, kaedah alternatif adalah mewujudkan sudut pameran berposter bertemakan Majlis Konvoesyen UTM di Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah. Paparan poster memfokus kepada Canselor dan Naib Canselor UTM. Pameran memberi impak menarik kepada sudut berkenaan tetapi yang lebih penting maklumat yang dipamerkan dapat dikongsi kepada pengguna.

### Pameran sempena Majlis 'UTM Alumni Gala Dinner'

Pameran diadakan sempena majlis 'UTM Alumni Gala Dinner' bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Unit Galerium telah dilantik oleh Pejabat Hal Ehwal Korporat melalui Unit Perhubungan Alumni untuk menyelaras pameran tersebut. Pameran menonjolkan wajah-wajah Ahli Alumni UTM dari era Sekolah Teknik sehingga kini serta sumbangan besar mereka dalam masyarakat.



### Pameran Galeri Inovasi

Unit Galerium dengan kerjasama Pusat Kualiti & Pengurusan Risiko UTM telah mengadakan pameran bertemakan 'Inovasi' sempena Hari Konvensyen Inovatif, Efisien dan Produktif (KIEP) Tahun 2015.

**13**

Perpustakaan UTM mempunyai 13  
perpustakaan fakulti

Perpustakaan UTM terdiri daripada  
**Perpustakaan Sultanah Zanariah dan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah di Johor Bahru**  
& **Perpustakaan Sultanah Zanariah di Kuala Lumpur**

**100**

Terdapat 100 lokasi UTM Reading Stations (UTMRS) di  
dalam & luar kampus termasuk Jepun dan Indonesia.

# FAKTA MENARIK TAHUN 2015

Perpustakaan UTM  
mempunyai 217  
orang staf

**217**

Jumlah pengunjung maya = 629,832 orang

**629,832**

Jumlah pengunjung fizikal = 708,061 orang

**708,061**

Perpustakaan UTM memenangi Anugerah Teknologi Maklumat :  
Anugerah Webometric (kategori Bukan Akademik) bagi tiga tahun berturut-turut (2012-2014)

**95**

UTM Institutional Repository berada di ranking 95  
di Ranking Web Of Repositories - Top Institutional dan mengekalkan  
ranking pertama di Malaysia selama empat tahun berturut-turut (2012-2015)

## KUMPULAN TERBAIK & PERSEMBAHAN TERBAIK

Kumpulan Librill dari Perpustakaan UTM telah  
memenangi Kumpulan Terbaik & Persembahan Terbaik  
pada Konvensyen Inovatif, Efisien dan Produktif (KIEP)

Kumpulan Library SWAT berjaya menghasilkan  
Interactive MAP PRZS dan mendapat tempat kedua  
dan penarafan perak pada Konvensyen Inovatif,  
Efisien dan Produktif (KIEP) 2015.

## TEMPAT KEDUA & PENARAFAN PERAK

## PENARAFAN EMAS

Kumpulan KristalLib mewujudkan satu sistem atas  
talian yang fleksibel dan boleh menguruskan pelbagai  
tugas di Unit Pembangunan dan Pengurusan Media dan  
memperolehi penarafan emas pada Konvensyen  
Inovatif, Efisien dan Produktif (KIEP) 2015.

# SIDANG REDAKSI

Penasihat	<b>Dr. Kamariah binti Nor Mohd Desa</b>
Ketua Editor	<b>Anuar bin Talib</b>
Editor	<b>Zafarina binti Dol</b>
Sidang Pengarang	<b>Nor Asikin binti Mohamed</b> <b>Nik Masriza binti Zakaria</b> <b>Badariah binti Borham</b> <b>Junaidah binti Isnain</b> <b>Noraini binti Yahya</b> <b>Haslina binti Othman</b> <b>Zaleha binti Atan</b> <b>Kamariah binti Mohamed Jong</b> <b>Mohd Nasir bin Ibrahim</b> <b>Haslina binti Nasir</b>
Jurufoto	<b>Mohd Jamal bin Mohd Ariff</b>
Edaran	<b>Azharuddin bin Azmi</b> <b>Norazalina binti A. Samad</b>





**Perpustakaan UTM**  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 UTM Skudai  
Johor Bahru

Tel : 07-5530188 (Kaunter Sirkulasi)  
: 07-5531137 (Perunding Sokongan Penyelidikan)  
Fax : 07-5572555

[www.library.utm.my](http://www.library.utm.my)